

# Pemuda mengaku pecah rumah, curi, gagal kemuka KP

**MIRI:** Seorang pemuda mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen atas tuduhan melakukan pecah rumah dan curi serta gagal mengemukakan kad pengenalan (KP) ketika diperiksa pihak polis.

Mohamad Iqman, 21, dari Kampung Subak, Bekenu, telah didakwa mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara hingga lima tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan pecah rumah dan curi dengan memasuki sebuah premis milik Dian Ismail dan mencuri wang tunai RM1,600 yang disimpan di dalam sebuah

laci meja.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.30 malam, 6 Oktober lalu di sebuah lot kedai di Kampung Subak, Bekenu.

Selain itu, tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 kerana gagal mengemukakan KP ketika diminta oleh Sarjan Saleh Rosdi untuk berbuat demikian bagi tujuan pemeriksaan.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan ke-

salahan itu pada jam 9.35 pagi, 7 Oktober lalu di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Subak, Bekenu.

Terdahulu, pegawai pendakwa ASP Koay Kok Ping memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut bagi kedua-dua kes ini di Mahkamah Majistret Batu Niah.

Hakim Azreena Aziz membenarkan permohonan itu dan menetapkan 22 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bela diperintahkan dibebas dengan jaminan RM3,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.